



BERJAYA SOMPO INSURANCE

THE  
GOOD RIDERS

---

Panduan Keselamatan Motosikal  
*e-Buku Mini*





BERJAYA SOMPO INSURANCE

Pada tahun 2024, sebanyak **63%** kemalangan maut adalah melibatkan **PENUNGGANG MOTOSIKAL**

*Tujuan e-buku mini ini adalah untuk menggalakkan penunggang motosikal agar sentiasa peka dan menjadikan keselamatan sebagai keutamaan.*





BERJAYA SOMPO INSURANCE

INI BERSAMAAN  
**1 KEMATIAN DALAM SETIAP 2 JAM**





BERJAYA SOMPO INSURANCE

# Mengapa Keselamatan Motosikal Penting?



Menyelamatkan  
Nyawa



Mengelakkan  
Kecederaan  
Teruk



Mengurangkan  
Beban  
Kewangan



Penunggang  
Lebih  
Selamat



Kualiti Hidup  
Lebih Baik





### Menyelamatkan Nyawa

Mengutamakan keselamatan boleh menyelamatkan nyawa dengan mengurangkan tahap kecederaan sekiranya berlaku kemalangan.



### Mengelakkan Kecederaan Teruk

Pemakaian topi keledar dan peralatan pelindung, mematuhi undang-undang lalu lintas, dan menunggang secara selamat boleh mengurangkan risiko kecederaan serius dalam kemalangan.



### Mengurangkan Beban Kewangan

Amalkan langkah keselamatan untuk mengelakkan kos bil kesihatan yang mahal, kos pembaikan, yuran guaman dan kehilangan pendapatan.



### Penunggang Lebih Selamat

Penunggang yang bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang lalu lintas boleh mengurangkan kemalangan serta risiko kepada penunggang lain, pejalan kaki dan pemandu.





Fahami Peraturan  
Asas **Keselamatan**  
Motosikal



BERJAYA SOMPO INSURANCE



Keselamatan adalah paling utama dalam menunggang motosikal. Mematuhi peraturan keselamatan tanpa mengira tahap pengalaman anda adalah penting untuk kesejahteraan dan keselamatan orang lain di jalan raya.

Jom lihat beberapa peraturan keselamatan penting yang perlu diketahui oleh setiap peminat motosikal.




BERJAYA SOMPO INSURANCE

Ini adalah 2 sumber utama bagi semua peraturan keselamatan jalan raya.

## Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)



## Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan





# 40 Peraturan PBB berkaitan motosikal yang diwartakan di Malaysia

L 1-7

Kategori



E52

## Persekitaran

Kebisingan (Kenderaan 3-Roda)	R9
Asap Diesel	R24
Pelepas Ekzos	R40
Kebisingan	R41
Pelepas Ekzos	R47
Kebisingan (Moped)	R63

## Keselamatan Am

Keserasian EMC	R10
Speedometer	R39
Kaca Keselamatan	R43
Perlindungan Penggunaan Tanpa Kebenaran	R62


## Keselamatan Pasif

Tali Pinggang Keledar	R16
Penyandar Kepala	R25

## KELULUSAN JENIS MOTOSIKAL

### Pelaksanaan Peraturan PBB berdasarkan Kategori Kenderaan

\*Peraturan PBB yang disebutkan adalah terpakai secara am



40 Jumlah Peraturan PBB (UN)


Lampu Hadapan Asimetrik	R112
Lampu Hadapan Simetrik	R113
Sumber Cahaya LED	R128

Sistem Brek	R78
Cermin Pandang Belakang	R81
Lampu Hadapan Halogen (HS2)	R82
Lampu Siang Hari	R87
Penggantian Pelapik Brek	R90
Lampu Hadapan Gas-Pelepasan	R98

## Keselamatan Aktif

Alat Pantul Cahaya Retro	R3
Penunjuk Arah	R6
Lampu Brek & Garisan Penamat	R7
Lampu Kabus Hadapan	R19
Alat Amaran Bunyi	R28
Lampu Filamen	R37
Lampu Kabus Belakang	R38
Pembersih Lampu Hadapan	R45
Cermin Pandang Belakang	R46
Lampu	R50
Pemasangan Lampu	R53
Lampu Hadapan (Moped)	R56
Lampu Hadapan (Motosikal)	R57
Kawalan Operasi Pemandu	R60
Lampu Amaran Khas	R65
Lampu Hadapan Halogen	R72
Pemasangan Lampu	R74
Tayar	R75
Lampu Hadapan (Moped)	R76

Berikut adalah syarat-syarat untuk mendapatkan lesen motosikal di Malaysia bagi memastikan kepatuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.



## SYARAT UMUR

Seksyen 39, Akta Pengangkutan Jalan 1987

(1) Tiada sesiapa di bawah umur 16 tahun boleh memandu kenderaan bermotor di jalan raya.

(2) Tiada sesiapa di bawah umur 17 tahun boleh memandu kenderaan bermotor selain motosikal atau kenderaan untuk OKU di jalan raya.

## SYARAT LESEN MEMANDU

Seksyen 26, Akta Pengangkutan Jalan 1987

Tiada sesiapa boleh memandu kenderaan bermotor di jalan raya tanpa lesen yang sah, dan tiada seorang pun boleh menggaji atau membenarkan orang lain memandu tanpa lesen yang sah.

## JENIS-JENIS LESEN

### → Lesen Memandu Pelajar (L)

Berjaya melengkapkan:

- Kelas teori (6 jam)
- Ujian teori

### → Lesen Memandu Percubaan (P)

Berjaya melengkapkan:

- Latihan menunggang praktikal di litar
- Latihan menunggang praktikal di jalan raya
- Latihan pra-ujian praktikal
- Ujian praktikal dengan JPJ

### → Lesen Memandu Kompeten

Berjaya melengkapkan Lesen Memandu Percubaan selama 2 tahun.



## Jenis-Jenis Lesen Mengikut Kelas



A: Kenderaan Orang Cacat  
(Motosikal) BTM tidak  
melebihi 450kg



B2: Tidak melebihi  
250cc



B1: Tidak melebihi  
500cc



B: Melebihi 500cc



C: Tiga roda



BERJAYA SOMPO INSURANCE

# Apakah Peralatan Perlindungan Peribadi untuk Penunggang Motosikal?

Secara undang-undang, penunggang hanya diwajibkan memakai helmet, tetapi menambah sarung tangan, jaket, dan kasut boleh memberikan perlindungan tambahan.



## 1. TOPI KELEDAR

Ini peralatan perlindungan paling penting untuk penunggang. Topi keledar melindungi kepala anda daripada kecederaan serius, hembusan angin, cuaca sejuk atau benda terbang.

## 2. PELINDUNG MUKA

Lindungi muka anda! Pengalaman penunggang yang pernah mengalami kejadian seperti terkena batu, serangga atau serpihan pasti menghargai manfaat pelindung muka

## 3. SARUNG TANGAN

Menjaga tangan agar sentiasa selesa, berfungsi dengan baik dan terlindung. Terdapat dalam pelbagai jenis sesuai untuk semua musim.

## 4. JAKET & SELUAR

Jaket dan seluar menyediakan lapisan tambahan terhadap lelasan serta melindungi daripada selaran matahari atau angin. Pemakaian warna terang atau bahan reflektif akan meningkatkan keterlihatan penunggang kepada pengguna jalan raya yang lain.

## 5. BUT

But melindungi kaki dan buku lali anda daripada kecederaan serta meningkatkan cengkaman pada pemijak kaki atau permukaan jalan.

# Mengapa Pemakaian Helmet Motosikal **Penting?**



## Perlindungan Cuaca

Melindungi wajah dan mata daripada hujan serta mengekalkan fokus dan penglihatan.



## Pengurangan Bunyi Angin

Mengurangkan gangguan bunyi angin untuk membantu pendengaran dan keselamatan.



## Perlindungan Rambut Panjang

Mengelakkan rambut daripada menghalang penglihatan yang boleh mencetuskan kemalangan.



## Memastikan Pandangan Jelas

Melindungi daripada objek luar, serpihan, dan silau matahari dengan visor.



# Memakai Helmet Motosikal yang Diluluskan oleh SIRIM Boleh **Mengurangkan** Risiko Kecederaan Sebanyak 75%.

- Perkara 88(1)(s) Akta Pengangkutan Jalan 1987 menghendaki individu yang memandu atau dibawa oleh motosikal untuk memakai helmet pelindung.
- Peraturan Motosikal (Helmet Keselamatan) 1973 [P.U. (A) 43/1973] menetapkan bahawa setiap helmet keselamatan mesti mematuhi spesifikasi MS 1 Spesifikasi Helmet Pelindung untuk Pengguna Kenderaan atau Peraturan PBB No. 22 Peruntukan Seragam Mengenai Kelulusan Helmet Pelindung dan Pelindung Muka untuk Pengemudi dan Penumpang Motosikal dan Moped.



# Bagaimana Helmet Motosikal Menyelamatkan Nyawa?

Kajian menunjukkan bahawa memakai helmet dapat mengurangkan risiko kecederaan otak yang serius dan kematian. Ini kerana kebanyakan tenaga impak diserap oleh helmet berbanding bahagian kepala semasa kemalangan berlaku. Namun, selain dari pada memakai helmet, memastikan helmet yang dipakai sesuai juga amat penting.





# Kepentingan Perlindungan **Insurans Motosikal**

Dalam dunia yang serba pantas hari ini, adalah penting untuk memastikan motosikal anda dilindungi dengan insurans. Sama seperti kenderaan empat roda, motosikal juga memerlukan perlindungan insurans untuk melindungi penunggang, motosikal, dan kewangan daripada sebarang kejadian yang tidak dijangka. Di Berjaya Sompo, kami memahami kepentingan perlindungan komprehensif yang direka khusus untuk motosikal.

# Jom Lindungi Motosikal Anda dengan **SOMPO Motorcycle**



Nilai dipersetujui untuk kenderaan  
berusia sehingga 3 tahun



Pengecualian lebihan wajib



Perlindungan kemalangan peribadi  
sehingga RM5,000 untuk anda



Bantuan kecemasan dan perkhidmatan  
tunda 24 jam di tepi jalan  
*(Sehingga 100km perjalanan pergi balik)*

Talian Bebas Tol: 1300-88-2323





BERJAYA SOMPO INSURANCE

# Tip Mengendalikan Kerosakan Motosikal yang Tidak Dijangka

## 1. Tenang & Bertindak

Kekal tenang dan alihkan motosikal ke tepi jalan yang selamat untuk memastikan keselamatan semua.

## 2. Semak dan Uji

Kenal pasti punca kerosakan seperti masalah mekanikal, atau kehabisan bahan bakar dengan memeriksa keadaan motosikal.

## 3. "Troubleshooting"

Jika punca kerosakan kecil dan anda mempunyai alat serta pengetahuan, anda boleh cuba untuk baiki sendiri.

## 4. Panggilan Kecemasan

Jika punca kerosakan adalah besar, hubungi perkhidmatan bantuan tepi jalan atau trak tunda untuk bawa motosikal anda ke bengkel pilihan.

## 5. Baiki

Setelah motosikal anda tiba di bengkel, serahkan kepercayaan kepada mekanik untuk kenalpasti kerosakan dan lakukan pembaikan.

## 6. Langkah Penjagaan

Setelah kerosakan diselesaikan, lakukan langkah pencegahan seperti penyelenggaraan berkala untuk mengurangkan kemungkinan kerosakan di masa akan datang.



SOMPO MOTORCYCLE ROADSIDE ASSISTANCE

**1300 88 2323**

**Muat turun aplikasi My**SOMPO**  
sekarang, dan jadi sebahagian  
daripada Berjaya Sompo untuk  
menikmati pelbagai faedah!**




**Jejak Lokasi Trak  
Tunda**



**Hantar & Semak  
Tuntutan**



**Jejak & Lihat Polisi  
Perlindungan**



Download on the  
**App Store**

GET IT ON  
**Google Play**


# Semoga Perjalanan Anda Selamat.



Marilah kita memastikan setiap perjalanan adalah selamat. Semua pengguna boleh menyumbang kepada pengalaman menunggang motosikal yang lebih selamat dan menyeronokkan. Ingat, keselamatan bermula dari anda. Pandu dengan bijak, selamat dan nikmati perjalanan anda!

Terima kasih kerana membaca.

Dibawakan kepada anda oleh:

THE  
 GOOD RIDERS

[www.berjaysompo.com.my/good-riders](http://www.berjaysompo.com.my/good-riders)





**BERJAYA SOMPO INSURANCE**